

Dr M minta

beritahu awal

JITRA: Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk bertemu sebelum Hari Raya Aidilfitri ini bagi membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkannya.

"Saya setuju jumpa Pak Lah sebelum Hari Raya, tapi eloklah bagi tau dua hari lebih awal. Jangan hari ini nak jumpa hari ini bagi tau," katanya ketika ditanya pemberita mengenai persetujuan Perdana Menteri semalam untuk bertemu beliau.

Dr Mahathir berkata demikian selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk di Masjid Kampung Naga, dekat sini, petang semalam.

Isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anaknya, Datuk Mukhriz turut hadir.

Di Langkawi kelmarin, Dr Mahathir berkata, beliau bersedia mengadakan pertemuan itu untuk merungkaikan perkara-perkara yang dibangkitkannya termasuk mengenai projek yang dibatalkan kerajaan selepas persaraannya.

Ketika ditanya adakah beliau akan meletakkan syarat selepas Perdana Menteri memberi persetujuan, Dr Mahathir berkata "Tak letak syarat, tapi elok bagi tahu lebih awal.

"Masa tinggal lima hari lagi (sebelum raya) jika beritahu lewat susahlah sebab saya ada program sendiri, nak kena kansel, payahlah. Sepanjang bulan puasa saya tidak ke mana, ada di sini," katanya. - Bernama